

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan hala tuju Kerajaan PH untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dirasakan rakyat khususnya mereka di peringkat akar umbi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar bahawa ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 4.7% bagi tempoh separuh pertama 2019 berbanding 4.9% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya disebabkan oleh beberapa cabaran dalaman dan luaran. Antara cabaran luaran ialah kelembapan ekonomi dunia kesan daripada ketegangan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang masih belum berakhir, harga komoditi yang tidak menentu, keadaan kewangan global yang lebih ketat serta ketidaktentuan geopolitik.

2. Cabaran dalaman pula adalah berkaitan dengan struktur ekonomi negara yang tidak banyak berubah. Pertumbuhan ekonomi negara juga belum digembleng sepenuhnya bagi mencapai potensi yang sebenar. Selain itu, sumber pertumbuhan ekonomi juga masih bergantung kepada faktor tradisional seperti modal dan buruh dan bukannya peningkatan produktiviti.

3. Justeru, perkara ini telah menimbulkan beberapa isu seperti ketidaksamaan pertumbuhan antara negeri, pembahagian pendapatan yang tidak setara antara pekerja dan pemilik modal, jurang antara kumpulan pendapatan, terutamanya kumpulan pendapatan 40% terendah atau B40, dan peningkatan kos sara hidup yang telah menjejaskan ekonomi rakyat.

4. Bagi menangani isu dan cabaran tersebut, Kerajaan telah memperkenalkan hala tuju baharu negara yang akan bertumpu kepada aspek pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) merupakan pelan pembangunan jangka panjang yang dirangka untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan dasar negara menjadi lebih berkesan dan memenuhi keperluan rakyat. Matlamat utama WKB adalah supaya rakyat Malaysia secara keseluruhannya mengecapi taraf hidup wajar atau "*decent standard of living*" menjelang tahun 2030.

5. WKB merangkumi tiga objektif utama, iaitu untuk memastikan pembangunan untuk semua melalui penstrukturan semula ekonomi untuk menjadi lebih progresif, berasaskan pengetahuan dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat. Objektif kedua adalah untuk menangani jurang kekayaan dan perbezaan pendapatan di seluruh kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Ini bagi memastikan nasib rakyat dapat dibela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan supaya tiada yang ketinggalan. Objektif ketiga pula adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan maruah, dan seterusnya menjadi pusat ekonomi Asia.

6. WKB akan memberi keutamaan kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menggalakkan kemajuan pesat dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi (*high-value added industry*).

7. Oleh yang demikian, penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang merupakan fasa pertama pelaksanaan WKB akan merangka beberapa dasar dan strategi yang akan menitikberatkan

dan mengutamakan kepentingan rakyat dan bukan hanya sekadar meningkatkan pertumbuhan ekonomi semata-mata.

8. Pelan pembangunan RMKe-12 yang merangkumi tempoh 2021 hingga 2025 akan diumumkan dengan WKB serta dirangka berdasarkan tiga dimensi utama, iaitu Pemerkasaan Ekonomi, Kemampanan Alam Sekitar dan Perekayasaan Sosial. Semua dimensi RMKe-12 ini juga akan diumumkan dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

9. Selain daripada itu, bagi memastikan dasar dan strategi yang akan dirangka benar-benar mencapai kemakmuran bersama di semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah mengambil beberapa pendekatan baharu. Antaranya, meningkatkan lagi penglibatan pelbagai pihak bagi membolehkan dasar yang lebih holistik dan inklusif dirangka dengan mengambil kira pandangan dan perspektif semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri dalam proses penyediaan RMKe-12. Sesi libat urus bersama semua Kerajaan Negeri telah berjaya dilaksanakan pada bulan September 2019. RMKe-12 dijangka dibentangkan di Parlimen pada bulan Ogos 2020.

10. Kerajaan akan memastikan pertumbuhan jangka panjang adalah berkualiti, inklusif dan mampan untuk membolehkan ekonomi rakyat dapat dipulihkan dan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama

Sekian, terima kasih.